

**MINIT SESI DIALOG ISU BERBANGKIT DARIPADA UCAPAN BAJET 2025 DAN RANG
UNDANG-UNDANG CUKAI 2024
ANTARA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)
DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

TARIKH	- 13 Mac 2025	
MASA	- 2.30 petang – 5.00 petang	
TEMPAT	- Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya	
KEHADIRAN		
PERWAKILAN LHDNM		
1.	Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin	- Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri - Pengerusi
2.	Puan Norfaidah Daud	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Dasar
3.	Datuk Hisham Rusli	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Pematuhan
4.	En. Khairul Halimin Abdul Halim	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Pengurusan
5.	En. Shaharrudy Othman	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Operasi Percukaian
6.	En. Ahmad Khairuddin Abdullah	- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) Industri Khusus
7.	Pn. Rosnita Ahmad	- Ketua Pegawai Dasar Percukaian
8.	En. Marside @ Marsidi Bin Julika @Zelika	- Ketua Pegawai Operasi Cukai
9.	En. Mohamad Fauzi Saat	- Ketua Pegawai Pematuhan Cukai
10.	Pn. Norhaslinda Bukhari	- Pengarah Konsultasi Dasar, Sektor Dasar Percukaian (SDP)
11.	En. Shafudin Yacob	- Pengarah Jabatan Operasi Setem dan CKHT (JOSC)
12.	Pn. Norhanadia Samsudin	- Pengarah Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA)
13.	Pn. Anis Sabirin Jaapar	- Pengarah Cawangan Cukai Multinasional
14.	Pn. Zaleha Adam	- Pengarah Jabatan Undang-Undang (JUJ)
15.	En. Syarein Abu Samah	- Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Asing
16.	En. Bacho Abdul Karim	- Pengarah Negeri, LHDNM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

17.	En. Jafni Hashim	- Pengarah Cawangan Pembayar Cukai Besar
18.	Pn. Hamisah Ismail	- Pengarah Operasi Negeri, LHDNM Selangor
19.	En. Mathan A/L Kaliappan	- Pengarah Cawangan Pematuhan Strategik
20.	En. Abdul Hamid Hashim	- Pengarah Bahagian Cawangan Industri Khusus
21.	En. Azmin Omar	- Pengarah Bahagian Jabatan Pungutan Hasil
22.	Pn. Suriati Abdul Halim	- Pengarah Operasi Negeri, LHDNM Putrajaya
23.	Dr. Razilina A.Razak	- Pengarah Bahagian Jabatan Siasatan
24.	Pn. Jema'ah Sedek	- Pengarah Bahagian Sektor Pematuhan Cukai
25.	Pn. Anizah Ahad	- Pengarah Bahagian Jabatan Penyelidikan dan Strategik (JPS)
26.	En. Shahrul Ezan Hashim	- Pengarah Bahagian Jabatan Resolusi Pertikaian
27.	Pn. Norzilah N Hamod @ Abdul Hamid	- Pengarah Bahagian Cawangan Guaman Lembah Klang
28.	En. Muazmir Mohd Yusof	- Pengarah Bahagian, JUU
29.	Datin Asnidar Mohamad	- Pengarah Bahagian, SDP
30.	Datin Serina Ismail	- Pengarah Bahagian, SDP
31.	En. Muhammad Farid Jaafar	- Pengarah Bahagian, JUU
32.	Pn. Nor Haida Abdul Hamid	- Pengarah Bahagian, SDP
33.	Pn. Neng Juliana Ismail	- Pengarah Bahagian, JUU
34.	Pn. Shafini Abd Samad	- Pengarah Bahagian, JUU
35.	Datin Azah Muhamad	- Pengarah Bahagian, SDP
36.	Dr. Mohd Arif Romli	- Pengarah Bahagian, JPS
37.	Pn. Rosnah Kasah	- Pengarah Bahagian, SDP
38.	Pn. Siti Aminah Ismail	- Pengarah Bahagian, SDP
39.	En. Baharuddin Abdul Kadir	- Pengarah Bahagian, SDP
40.	En. Amir Zainuddin Abdul Hamid	- Pengarah Bahagian, JPCA
41.	Pn. Nor Habibah Hamidon	- Pengarah Bahagian, JOSC

42.	En. Mohd Fazil Zainal Azman	- Pengarah Bahagian, JOSC
43.	Pn. Norlina Naem	- Pengarah Seksyen, JPS
44.	Dr. Mohd Shamsulizam Zainudin	- Pengarah Seksyen, SDP
45.	En. Mohamad Harzani Tahir	- Pengarah Seksyen, JUU
46.	Pn. Noorhaya Ibrahim	- Pengarah Seksyen, SDP
47.	En. Muzairi Shaikh Osman	- Pengarah Seksyen, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (PKPE)
48.	En. Mohd Faisal Ramli	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP
49.	Pn. Fatim Hanina Meor Hamzah	- Eksekutif Hasil Kanan I, SDP
50.	Pn. Nik Nur Halina Mohd Kashfi	- Eksekutif Hasil Kanan I, JUU
51.	En. Mohd Khairul Huozaine Mohd Zaki	- Eksekutif Hasil Kanan I, JPCA
52.	Pn. Farah Eileen Hussein	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
53.	Pn. Nur'izziani Adnan	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
54.	En. Khairul Fadzlullah Minhat	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
55.	En. Rizal Subri	- Eksekutif Hasil Kanan I, PKPE
56.	En. Muhammad Hafiszal Mohamad	- Eksekutif Hasil Kanan II, PKPE
57.	En. Mohd Syihab Mohd Mahfdzuz	- Eksekutif Hasil Kanan II, PKPE
58.	Pn. Azrina Kamareadin	- Eksekutif Hasil Kanan II, SDP
59.	En. Ahmad Faiz Zaidiazman	- Eksekutif Hasil, JUU
60.	Pn. Sri Sazreena Mohd Salehud-Din	- Sekretariat
61.	Pn. Nazrin Nordin	- Sekretariat
62.	Pn. Faezunur Natasya Hussain	- Sekretariat
63.	Pn. Rohaya Abdul Aziz	- Sekretariat
64.	Tn. Syed Mahathir Syed Mustaphanin	- Sekretariat
65.	Pn. Hamsiah Jeraee	- Sekretariat
PERWAKILAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)		
66.	Pn. Mahfuzah Baharin	- Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan Cukai dan Sektoral)
67.	Pn. Siti Norazlina Seni	- Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung dan Antarabangsa)

68.	En. Ibrahim Abdullah	- Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Galakan)
69.	En. Ezleezan Othman	- Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Cukai Langsung)
70.	En. Wan Azwar Zaihan Wan Ahmad	- Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Antarabangsa I)
71.	En. Saiful Aznee Ab. Ghafar	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)1
72.	Pn. Azniza Ramli	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)2
73.	Pn. Nik Zakiah Nik Omar	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Langsung)3
74.	Pn. Nur Hafizah Abdul Puhat	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Antarabangsa I)1
75.	Pn. Nurulzuhrah Mohd Jamid	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Antarabangsa I)2
76.	En. Mohamad Azizal Abd Aziz	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan)2
77.	Pn. Siti Nadzirah Ibrahim	- Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Galakan)2

PERWAKILAN PERSATUAN AKAUNTAN DAN PENGAMAL PERCUKAIAN

Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)

78.	En. Soh Lian Seng	- Presiden
79.	En. Alan Chung Ch'ung Yit	- Naib Presiden
80.	En. Thenesh Kannaa	- Pengerusi - <i>Tax Policy Committee</i>
81.	En. Anil Kumar Puri	- Pengerusi – <i>Joint Public Ruling Working Group</i>
82.	Pn. Sharon Yong	- Pengerusi – <i>Stamp Duty & RPGT Working Group</i>
83.	En. Steve Chia	- Pengerusi – <i>Tax Incentives Working Group</i>
84.	En. Tan Hooi Beng	- Pengerusi – <i>International Tax & Labuan Tax Working Group</i>
85.	En. Ng Say Guat	- Ahli – <i>Tax Policy Committee</i>
86.	En. Thong Vee Kean	- Setiausaha

The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)		
87.	En. Beh Tok Koay	- Pengerusi Jawatankuasa Amalan Percukaian
88.	Pn. Theresa Goh	- Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian
89.	En. Woon Yoke Lee	- Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian
90.	En. Khaw Wei Seng	- Ahli Jawatankuasa Amalan Percukaian
91.	Pn. Tan Yu Yin	- Urus setia
Malaysian Institute of Accountants (MIA)		
92.	En. Surin Segar Gnanasegaram	- <i>Member of TPC</i>
93.	En. Nazimuddin Nazaruddin	- <i>Member of TPC</i>
94.	En. K Renganathan A/L Renganathan Kannan	- <i>Member of TPC</i>
95.	Pn. Rafidah Mohd Noor	- <i>Secretariat</i>
Malaysian Association of Tax Accountants (MATA)		
96.	Dr. Mohd Fairuz A. Razak	- Timbalan Presiden
97.	En. Mohameed Faisal Syed Ibrahim	- Setiausaha Agung
98.	En. Amsyari Zarir Abdul Shakur	- Ahli MKT
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)		
99.	En. Simon Yeoh Seng Leong	- <i>Chairman, Taxation Committee</i>
100.	En. Justin J Anthony	- <i>Chief Executive Officer</i>
101.	Pn. Soo Lay Hun	- <i>Member, Taxation Committee</i>
102.	Pn. Chin Woon Li	- <i>Secretariat</i>
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)		
103.	En. K Soorin Babu	- Penolong Bendahari Kehormat
104.	Dato' Dr. Fam Seng Choy	- <i>Committee Member</i>

1. PENDAHULUAN

- 1.1. YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM selaku Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil persatuan akauntan dan pengamal percukaian (CTIM, MICPA, MIA, MAICSA, MATA dan

MACS), wakil daripada MOF, pengurusan tertinggi LHDNM dan pegawai-pegawai LHDNM ke sesi dialog ini.

- 1.2. Pengerusi difahamkan bahawa LHDNM telah mengemukakan draf maklum balas LHDNM dan MOF ke atas isu yang dibangkitkan di dalam Memorandum Bersama ke atas Isu Berbangkit daripada Ucapan Bajet 2025 dan Rang Undang-Undang Cukai 2024 bertarikh 17 Disember 2024 (Memorandum Bersama) sebelum sesi dialog berlangsung. Sehubungan itu, Pengerusi memberi peluang kepada pihak perwakilan untuk membangkitkan semula isu-isu yang memerlukan perbincangan serta pengesahan lanjut.
- 1.3. Seterusnya, En. Soh Lian Seng, Presiden CTIM merakamkan ucapan terima kasih atas jemputan ke sesi dialog dan juga maklum balas yang telah dikemukakan oleh LHDNM.
- 1.4. Encik Soh Lian Seng memberikan komen secara keseluruhan terhadap pindaan akta bagi duti setem. Beliau memohon pihak LHDNM untuk melihat secara keseluruhan penambahbaikan Akta Setem 1949 (AS 1949) dari perspektif perniagaan dan perspektif pemain industri bagi memudahkan penentuan setiap kategori surat cara serta kadar duti dalam pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS).
- 1.5. Pihak CTIM menyokong semua pindaan yang telah dibuat dalam AS 1949 melalui Bajet 2025. Walau bagaimanapun, En Soh Lian Seng memohon LHDNM untuk mempertimbangkan pelaksanaan STSDS bagi kategori penyeteman am dilaksanakan pada fasa terakhir dalam pelaksanaan STSDS dan bukannya pada fasa pertama. Pihak CTIM berharap cadangan pindaan yang dibuat adalah berdasarkan kecekapan, kemudahan, ketelusan dan dapat memberikan situasi menang-menang kepada kedua belah pihak.
- 1.6. Sesi dialog kemudiannya diteruskan oleh Encik Thenesh Kannaa selaku wakil persatuan akauntan dan pengamal percukaian bagi membentangkan isu-isu yang perlu dibincangkan secara lebih terperinci.

2. PERBINCANGAN ISU

- 2.1. Perbincangan bersama telah diadakan berhubung isu-isu yang dibangkitkan dalam Memorandum Bersama ke atas Isu Berbangkit daripada Ucapan Bajet 2025 dan Memorandum Bersama.
- 2.2. Merujuk kepada perenggan 1.2(d)(i) & (ii) Memorandum Bersama, Encik Thenesh Kannaa memaklumkan terdapat syarikat yang tidak mengemas kini Akaun Pengecualian apabila sistem satu peringkat diperkenalkan ke atas pendapatan dividen mulai tahun 2008 atau selepas tempoh peralihan tamat (selepas tahun 2013) kerana tiada impak ke atas percukaian. Sehubungan itu, pihak persatuan memohon pertimbangan LHDNM agar suatu mekanisme terbaik dapat ditetapkan bagi memudahkan pihak syarikat mengemas kini semula Akaun Pengecualian tersebut.

LHDNM memaklumkan bahawa syarikat yang terlibat dikehendaki untuk mengemas kini Akaun Pengecualian. Syarikat tidak perlu meminda semula Borang C yang telah

dikemukakan sebelum ini namun perlu memasukkan jumlah baki bawa hadapan Akaun Pengecualian yang betul semasa pengemukaan Borang C bagi tahun taksiran 2025.

- 2.3. Seterusnya, Encik Thenesh Kannaa memohon pihak MOF mempertimbangkan polisi berkaitan pengenaan Cukai Dividen ke atas pemegang saham individu yang menerima dividen daripada luar negara daripada syarikat yang dikecualikan cukai di bawah P.U. (A) 235/2022 di perenggan 1.2(e) Memorandum Bersama. Ini kerana individu yang menerima dividen daripada syarikat yang dikecualikan cukai di bawah P.U. (A) 235/2022 tersebut adalah tertakluk kepada Cukai Dividen manakala individu yang menerima dividen daripada luar negara secara langsung adalah dikecualikan cukai di bawah P.U. (A) 234/2022. Layanan percukaian yang berbeza ini memberi kesan kepada pelaburan di Malaysia. MOF mengambil maklum cadangan yang dikemukakan tetapi buat masa ini polisi sedia ada dikekalkan.
- 2.4. Berkenaan isu Cukai Keuntungan Modal di perenggan 2.1(b) Memorandum Bersama, Encik Thenesh Kannaa memohon peruntukan seksyen 15C Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dipinda kerana peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk menjelaskan penentuan tarikh sesebuah syarikat menjadi sebuah syarikat relevan. Peruntukan sedia ada hanya jelas bagi keperluan menjalankan ujian penentuan tarikh syarikat mula menjadi syarikat relevan atau berhenti menjadi syarikat relevan di peringkat pertama sahaja namun tidak jelas bagi peringkat kedua dan ketiga.
- 2.5. Di samping itu, bagi isu Cukai Keuntungan Modal di perenggan 2.1(d) Memorandum Bersama, Encik Thenesh Kannaa memohon pengesahan lanjut berhubung layanan cukai ke atas pelupusan yang berlaku antara 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024 kerana peruntukan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025. TKPE (Dasar) menjelaskan bahawa peruntukan sebelum ini di bawah subseksyen 15C(2) dan (3) ACP 1967 adalah terpakai bagi pelupusan yang berlaku dalam tempoh 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024 tersebut sebelum pengenalan subseksyen 15C(5) ACP 1967. Penjelasan lanjut juga diterangkan di dalam Garis Panduan.
- 2.6. En. Anil Kumar membangkitkan isu berkaitan masa untuk melakukan ujian penentuan (*testing time*) di bawah seksyen 15C ACP 1967. Sebagai contoh, syarikat asing (F Co.) telah memiliki saham di dalam syarikat Malaysia (M Co.) tetapi belum mempunyai tanah di Malaysia. Apabila M Co. membeli tanah di Malaysia, CTIM berpandangan peruntukan sedia ada tidak jelas untuk syarikat menjalankan ujian penentuan syarikat relevan semasa tarikh pembelian tersebut. Isu ini serupa dengan isu berbangkit di perenggan 2.1(d) Memorandum Bersama.

TKPE (Dasar) mengesahkan bahawa ujian penentuan tarikh syarikat menjadi syarikat relevan perlu dilaksanakan pada tarikh syarikat membeli tanah tersebut selaras dengan formula yang ditetapkan di dalam subseksyen 15C(4) ACP 1967. Selain itu, Puan Norhaslinda turut memaklumkan bahawa pindaan di bawah peruntukan subseksyen 15C(3) dan (4) ACP 1967 adalah mencukupi untuk menentukan tarikh pemegang saham bertukar menjadi pemegang saham syarikat relevan. Pengerusi memaklumkan LHDNM akan menyemak semula sama ada terdapat keperluan pindaan perundangan atas isu dibangkitkan.

- 2.7. Seterusnya, di bawah perenggan 3.2 Memorandum Bersama berkaitan *Global Minimum Tax (GMT)*, En. Anil Kumar mencadangkan takrifan bagi 'related party' dan 'net present

value of the tax credit' dimasukkan di dalam peruntukan ACP 1967. Terdapat amalan negara lain bagi GMT, di mana di sesetengah negara akan merujuk kepada OECD dan sekiranya terdapat perkara yang tidak diikuti, pindaan akan dibuat di dalam undang-undang tempatan. Malaysia mempunyai perundangan yang khusus di dalam undang-undang tempatan tetapi akan merujuk kepada garis panduan OECD. Puan Neng Juliana menjelaskan bahawa LHDNM telah merangka perundangan domestik sedemikian yang telah termasuk *Globe Model Rules (GMR)*, *Commentary* dan *Agreed Administrative Guidance (AAG)*. Pada masa ini, masih terdapat AAG yang belum stabil. Oleh itu, pada masa hadapan, LHDNM mengambil pendekatan untuk menangani isu berbangkit daripada AAG yang dikeluarkan, sekiranya perlu, melalui pindaan undang-undang, perundangan subsidiari atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 134A ACP 1967.

- 2.8. Bagi isu berbangkit di perenggan 4.1 Memorandum Bersama, Encik Thenesh Kannaa mencadangkan pelanjutan pengecualian *foreign source income (FSI)* dimasukkan ke dalam Jadual 6 ACP 1967 melalui Bajet 2026 berbanding diberikan pengecualian dalam perundangan subsidiari. Beliau juga mengambil maklum bahawa perundangan subsidiari mempunyai 'force of law' tetapi sekiranya pengecualian tersebut dimasukkan dalam Akta akan lebih memberi keyakinan kepada para pelabur untuk melabur di Malaysia. MOF mengambil maklum cadangan yang dikemukakan.
- 2.9. Encik Thenesh Kannaa memaklumkan CTIM telah menyediakan kajian perbandingan negara berkaitan pengecualian cukai dan telah dikemukakan kepada MOF pada Disember 2021. MOF berharap kajian tersebut dapat dikemukakan semula kepada MOF selepas ini.
- 2.10. Isu seterusnya yang dibincangkan adalah di perenggan 5.2 Memorandum Bersama, Encik Thenesh Kanna mencadangkan supaya peruntukan berkenaan baki bayaran perlu dibayar oleh pelupus dimasukkan ke dalam Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976) bagi Bajet 2026 supaya lebih jelas.
- 2.11. Berkaitan isu berbangkit di subperenggan 6.1(e)(i) Memorandum Bersama bagi pindaan yang melibatkan AS 1949, Puan Sharon Yong menyatakan bahawa tiada peruntukan berkaitan penyeteman selain surat cara yang terlibat dalam Fasa 1 Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS). Puan Norhaslinda menjelaskan bahawa melalui pindaan seksyen 36 AS 1949, penyeteman bagi surat cara di bawah Fasa 1 STSDS ditaksir di bawah perenggan 36(1)(a) AS 1949 manakala surat cara selain itu akan disetamkan melalui proses adjudikasi sedia ada di bawah perenggan 36(1)(b) AS 1949.
- 2.12. Seterusnya, merujuk kepada perenggan 6.2(a) Memorandum Bersama, Puan Sharon Yong menyatakan bahawa tiada takrifan 'person' di dalam AS 1949. Oleh itu, tiada kepastian berhubung 'person' yang dirujuk di dalam subseksyen 35A(1) AS 1949. Puan Norhaslinda menjelaskan bahawa 'person' adalah merujuk kepada pembayar duti di bawah Jadual Ketiga AS 1949. Pihak CTIM mencadangkan agar peruntukan tersebut dipinda dengan memasukkan orang yang dirujuk di bawah Jadual Ketiga AS 1949 agar lebih jelas dan difahami. Selain itu, pihak CTIM turut mencadangkan pindaan turut mempertimbangkan isu penyeteman yang melibatkan B2C. Pihak LHDNM mengambil maklum perkara tersebut.

- 2.13. Di samping itu, Puan Sharon Yong turut mencadangkan tempoh pengemukakan penyata ialah 30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan dipanjangkan kepada suku tahun atau setengah tahun bagi memudahkan pematuhan.
- 2.14. Encik Steve Chia memaklumkan di bawah STSDS, kegagalan mengemukakan penyata dan surat cara di bawah seksyen 35A akan dikenakan penalti di bawah seksyen 72C. Namun, peruntukan sedia ada di bawah seksyen 47A mengenakan penalti bagi surat cara yang lewat disetemkan. Sehubungan itu, pihak CTIM memohon pengesahan sama ada peruntukan seksyen 47A dan seksyen 72C akan terpakai secara bersama atau berasingan. Pengerusi memaklumkan bahawa LHDNM akan meneliti semula keperluan peruntukan seksyen 72C dan buat masa ini, LHDNM berpandangan seksyen 47A sahaja adalah memadai.
- 2.15. Puan Sharon Yong seterusnya membangkitkan isu 'negligence' di perenggan 6.4(c) Memorandum Bersama. Pihak CTIM memohon agar had masa bagi membangkitkan taksiran tidak melebihi 5 tahun bagi kes yang melibatkan 'negligence'. Ini kerana pertikaian yang melibatkan duti setem biasanya berkaitan penilaian. Pengerusi mengambil maklum cadangan tersebut.
- 2.16. Encik Thenesh Kanna memohon penjelasan lebih lanjut diberikan berkenaan pindaan peruntukan Butiran 59 Jadual Pertama AS 1949 berkaitan *Power of Attorney (PA)*. Pihak CTIM berpandangan PA bukan suatu surat cara *conveyance* dan apa-apa surat cara melibatkan *conveyance* tertakluk kepada Butiran 32 Jadual Pertama AS 1949. Pengerusi menjelaskan bahawa pada masa ini, terdapat kes PA yang mempunyai elemen *conveyance*. Penentuan pengenaan duti sama ada merupakan suatu *conveyance* atau sebaliknya adalah bergantung kepada jenis surat cara. Pihak CTIM mencadangkan satu perbincangan berasingan diadakan bagi membincangkan isu yang dibangkitkan.
- 2.17. Merujuk kepada perenggan 6.10 Memorandum Bersama berkaitan pelaksanaan kadar duti baharu ke atas surat cara contohnya di bawah Butiran 9 Jadual Pertama AS 1949 bagi instrumen sewa, pihak CTIM mencadangkan pengenaan duti mengikut kadar duti pada tarikh semasa surat cara disempurnakan bukannya kadar duti semasa surat cara dikemukakan untuk penyetakan. Pengerusi mengambil maklum dan pendirian LHDNM akan dimasukkan ke dalam maklum balas akhir yang dikemukakan.
- 2.18. Selain itu, Encik Thenesh Kanna turut membangkitkan isu berkaitan kelewatan pewartaan perundangan subsidiari berhubung elaun modal dipercepat bagi kos pembangunan perisian komputer yang dibuat khas serta kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan e-Invois di perenggan 8.9 Memorandum Bersama. Beliau mencadangkan pada masa akan datang, sekiranya sesuatu insentif/galakan cukai yang akan diberikan kepada pembayar cukai dalam tempoh yang singkat tetapi perundangan subsidiari tidak dapat diwartakan dalam masa terdekat, diharap insentif/galakan tersebut dapat dikeluarkan dalam bentuk nota amalan supaya pembayar cukai dapat menikmati insentif/galakan tersebut dalam tempoh yang diberikan.
- 2.19. Merujuk kepada isu berkaitan *Labuan Business Activity Tax (Amendment) (No.2) Bill 2024*, Encik Anil Kumar menyatakan bahawa kriteria 'orang yang layak dan wajar' agak sukar dipenuhi bagi 'pekerja sepenuh masa' yang berpusat di Labuan dan memohon dipertimbangkan semula polisi berhubung kriteria tersebut. Puan Norhaslinda memaklumkan sebelum cadangan pindaan dibuat, sesi libat urus telah diadakan bersama

Labuan Financial Services Authority (LFSA). Oleh itu, LHDNM berpandangan kandungan di dalam Garis Panduan yang akan dikeluarkan sepatutnya terdapat dalam peruntukan undang-undang.

2.20. Pengerusi menyatakan penelitian semula akan dibuat ke atas maklum balas yang diberikan sebelum ini dan seterusnya tindakan pengemaskinian maklum balas akan dilaksanakan.

3. ISU-ISU LAIN

3.1 Encik Beh Tok Koay membangkitkan persoalan berkaitan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) berdasarkan senario iaitu sekiranya 70 unit strata dilupuskan dalam satu perjanjian jual beli dan pemerolehan unit strata tersebut diperolehi pada tarikh yang sama dalam satu perjanjian jual beli, pihak LHDNM dimohon untuk menjelaskan sama ada Borang Nyata CKHT (BNCKHT) perlu dikemukakan secara berasingan atau dalam satu BNCKHT yang sama. Pengerusi memaklumkan bahawa berdasarkan maklum balas yang telah dikemukakan sebelum ini, BNCKHT perlu dikemukakan secara berasingan bagi setiap aset yang dilupuskan. Oleh kerana 70 unit strata tersebut diperolehi pada satu tarikh dan kemudiannya dilupuskan pada 1 tarikh sahaja, maka pelupus hanya perlu mengisi 1 BNCKHT sahaja. Walau bagaimanapun, maklumat kesemua aset strata tersebut perlu diisi di ruangan maklumat aset dilupuskan di dalam borang CKHT 1A.

4. PENUTUP

Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada wakil-wakil badan profesional yang telah membangkitkan isu-isu Belanjawan 2025. Selain itu, Puan Mahfuzah mewakili pihak MOF turut mengucapkan terima kasih atas maklum balas daripada semua pihak. Sebarang isu yang melibatkan polisi akan diteliti semula oleh MOF.

Sesi Dialog ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.

Disahkan oleh :

Untuk dan bagi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



[DATUK DR. ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN]

Pengerusi Sesi Dialog

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**MINIT SESI DIALOG ISU BERBANGKIT DARIPADA UCAPAN BAJET 2025 DAN RANG
UNDANG-UNDANG CUKAI 2024 ANTARA LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN
DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

13 Mac 2025

Disahkan tertakluk kepada penjelasan lanjut sekiranya terdapat pertanyaan berkenaan maklum balas kepada komen daripada pihak persatuan:

Untuk dan bagi pihak *Chartered Tax Institute of Malaysia, Malaysian Institute of Accountants, The Malaysian Institute of Certified Public Accountants and The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators.*

[EN. SOH LIAN SENG]

President

Chartered Tax Institute of Malaysia